

RM3.46b naik taraf sungai

» Kaedah kawalan ikut Manual Saliran Mesra Alam JPS

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@mediaprima.com.my

► Melaka Tengah

Kerajaan memperuntukkan RM3.46 bilion menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi melaksanakan projek menaik taraf sungai dan saliran di seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir Ahmad Husaini Sulai-

man (**gambar**), berkata kos terbabit meliputi pelaksanaan projek tebatan banjir, kejuruteraan sungai dan saliran bandar.

Beliau berkata, Melaka mendapat peruntukan RM511.5 juta termasuk RM285 juta yang diluluskan Kerajaan Persekutuan bagi kerja menaik taraf, pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka.

Destinasi pelancongan

“Selain itu, JPS juga melaksanakan projek tebatan banjir dan saliran bandar di negeri ini selari hasrat kerajaan negeri yang mahu menjadikan Bandaraya Melaka Bersejarah dan Sungai Melaka sebagai

destinasi pelancongan termasyhur dunia.

“Sistem saliran yang akan dinaik taraf kelak perlu direka dan dibina supaya air yang mengalir ke Sungai Melaka tidak akan membebankannya dari segi kuantiti dan kualiti air,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Sungai Antarabangsa di sini, semalam.

Seminar sehari dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Wira Idris Haron itu diadakan sempena Festival Jemputan Sungai Melaka 2013 yang berlangsung di negeri ini selama sebulan bermula 25 Mei lalu.



Hadir sama Pengarah JPS negeri, Gapar Asan.

Ahmad Husaini berkata, bagi memastikan kelancaran sistem saliran terbabit, pihaknya akan mempraktikkan kaedah pengawalan seperti dalam Manual Saliran Mesra Alam JPS.

“Tidak ada gunanya jika sungai dibersihkan tetapi parit dan longkang masih tercemar kerana pencemaran serta kotoran ini pada akhirnya akan mengalir semula ke sungai yang sama.

“Justeru, JPS akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuk Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Jabatan Alam Sekitar dan agensi berkaitan ke arah mencapai wawasan menjadikan Sungai Melaka sebagai sungai yang hidup,” katanya.